



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila membaca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli polisi Hospital Protection Plus. Sila pastikan anda membaca terma dan syarat am juga.

Produk: Hospital Protection Plus

Tarikh Dikeluarkan: Julai 2022

Apabila perkataan atau frasa muncul dalam huruf tebal, definisi dengan tafsiran adalah dinyatakan dalam ungkapan polisi di bawah 'Seksyen 2 - Definisi'.

1. Apakah produk ini?

- Produk ini memberikan manfaat elaun tunai hospital harian sekiranya berlaku **penghospitalan** akibat **kemalangan** atau **penyakit** termasuk **penyakit berjangkit yang spesifik**
- Perlindungan yang diberikan adalah di seluruh dunia dan sah selama 24 jam sepanjang **tempoh insurans**.
- Tempoh polisi adalah selama 3 bulan berturut-turut bermula dari **tarikh permulaan polisi** dan ia tidak boleh diperbaharui.
- Perlindungan ini hanya boleh dibeli oleh pengguna berdaftar aplikasi mudah alih **pemegang polisi induk** yang dikenali sebagai PULSE .

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

Polisi ini memberikan perlindungan untuk manfaat-manfaat berikut:

- Pendapatan Hospital Harian untuk kemasukan ke hospital sehingga 30 hari;
Sub-had: Pendapatan Hospital Harian - akibat Penyakit Berjangkit Yang Spesifik – Kemasukan Keospital sehingga 14 hari;

Nota: Sila rujuk kepada ungkapan polisi untuk butiran manfaat lanjut.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Anda harus membayar premium sebanyak RM20.00.
- Memandangkan **tempoh insurans** adalah untuk tempoh yang dipersetujui yang lebih daripada satu bulan kalendar, maka premium yang dibayar adalah untuk keseluruhan **tempoh insurans** yang berkenaan.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Komisen yang dibayar kepada perantara/ejen insurans (Termasuk dalam premium)	10%

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

(a) Kewajipan pendedahan:

- Anda mesti melaksanakan penjagaan munasabah untuk mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu yang boleh memberi kesan kepada profil risiko anda dan memastikan bahawa semua jawapan anda kepada soalan-soalan adalah penuh, lengkap, betul, jujur dan sepanjang pengetahuan anda kerana maklumat ini menjadi asas kontrak anda.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada **kami** tentang sebarang perubahan dalam maklumat yang diberikan kepada **kami** sebelum **kami** mengeluarkan polisi kepada anda atau mengubah mana-mana terma polisi anda. Jika tidak, polisi anda mungkin dibatalkan, atau dianggap seolah-olah ia tidak pernah wujud, atau tuntutan anda ditolak atau tidak dibayar sepenuhnya.

(b) Kelayakan:

Permastautinan:

Untuk layak mendapat perlindungan di bawah polisi ini, anda mestilah:

- Warganegara Malaysia;
- Pemastautin tetap Malaysia; atau
- Pemegang pas pekerjaan yang sah (tempat pekerjaan mestilah di Malaysia semasa **tempoh insurans**) atau pas tanggungan yang diberikan oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkenaan.

Umur:

Umur kemasukan untuk orang dewasa adalah 18 hingga 60 tahun (termasuk kedua-duanya). Umur anda akan berdasarkan umur pada hari jadi terakhir anda.

Pekerjaan

Pekerjaan selain daripada yang disenaraikan di bawah Perkara 6(h) di bawah.

(c) Tuntutan:

- Kami** mesti dimaklumkan secepat mungkin secara praktikal dan munasabah dan dalam apa jua keadaan dalam masa 30 **hari** selepas tarikh **kemalangan** atau **penyakit** yang mengakibatkan tuntutan.



- b. Semua bukti yang munasabah dan perlu yang **kami** perlukan mesti diberikan kepada **kami** untuk menyokong tuntutan dalam tempoh 90 **hari** selepas tarikh **kemalangan** atau **penyakit** yang mengakibatkan kepada tuntutan.
- c. Kegagalan untuk mematuhi perkara-perkara di atas mungkin mengakibatkan penolakan semua atau sebahagian daripada tuntutan. Sebab-sebab termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jika ia dibuat begitu lama selepas peristiwa sehingga **kami** tidak dapat menyiasat sepenuhnya, atau boleh mengakibatkan **orang yang diinsuranskan** tidak menerima amaun penuh yang dituntut jika amaun yang perlu dibayar berubah akibat kelewatan tersebut.

(d) **Tempoh Menunggu:**

Tempoh Menunggu untuk sebarang diagnosis atau **kemasukan ke hospital** akibat **penyakit** termasuk **penyakit berjangkit yang spesifik** adalah 30 **hari** dari **tarikh berkuat kuasa**.

(e) **Diagnosis dan rawatan di luar negara:**

Kami hanya akan melindungi rawatan **anda** di luar negara jika:

- (a) perjalanan ke luar negara bukan untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan; atau
- (b) **Anda** dinasihatkan oleh **doktor** untuk dipindahkan ke **hospital** di luar negara untuk mendapatkan rawatan perubatan kerana jenis rawatan tidak disediakan di Malaysia.

Perkara-perkara berikut dikecualikan:

- (a) **Kemasukan ke hospital** atau rawatan bukan kecemasan iaitu, sekiranya rawatan boleh ditangguhkan secara munasabah sehingga kembali ke Malaysia;
- (b) **Kemasukan ke hospital** atau rawatan di luar negara untuk **kemalangan** atau **penyakit** yang didiagnosis di Malaysia dan rawatan boleh ditangguhkan secara munasabah sehingga kembali ke Malaysia; atau
- (c) Mana-mana **kemasukan ke hospital** akibat **penyakit berjangkit yang spesifik**.

(f) **Tempoh Percuma**

Sekiranya polisi ini tidak memenuhi keperluan insurans anda, anda boleh mengembalikan polisi kepada **kami** dalam tempoh 15 hari dari tarikh polisi ini dihantar kepada anda. Anda akan menerima bayaran balik premium penuh ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh **kami** selagi tiada tuntutan telah dibuat untuk tempoh tersebut.

(g) **Bilangan polisi:**

Hanya satu polisi individu yang menyediakan produk yang sama yang diunderait oleh kami dibenarkan. Jika terdapat lebih daripada satu polisi, **kami** akan menganggap **orang yang diinsuranskan** telah diinsuranskan di bawah Polisi dengan **pampasan** tertinggi atau, jika **pampasan** di bawah setiap polisi adalah sama, di bawah polisi pertama yang dikeluarkan.

(h) **Sanksi:**

Kami tidak akan dianggap memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini setakat mana peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan **kami**, syarikat induk **kami** atau entiti kawalan muktamadnya kepada apa-apa sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sanksi perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Kami tidak akan membayar apa-apa tuntutan di bawah polisi ini berkaitan dengan:

- (a) Keadaan sedia ada atau sebarang komplikasi yang timbul daripadanya, gangguan mental atau saraf, kehamilan atau kelahiran anak
- (b) Bunuh diri atau cubaan bunuh diri, apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang (termasuk kesalahan lalu lintas) atau berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah
- (c) Apa-apa pemeriksaan kesihatan rutin, apa-apa rawatan atau penyiasatan bersifat pencegahan, pemvaksin, akupunktur atau apa-apa rawatan yang tidak **diperlukan dari segi perubatan**
- (d) Mana-mana **pemegang sijil** yang terlibat, berlatih, melatih atau mengambil bahagian dalam mana-mana sukan profesional, mana-mana sukan ekstrem atau aktiviti yang menunjukkan tahap bahaya yang tinggi
- (e) Apa-apa aktiviti udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang
- (f) HIV dan/atau apa-apa penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau apa-apa jenis penyakit venereal
- (g) Perang, pencerobohan, dan pemberontak
- (h) Orang yang terlibat dalam pekerjaan dengan risiko tinggi atau pendedahan kepada keadaan berbahaya. Senarai ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerjaan berikut:
 - i. Anggota tentera termasuk angkatan bersenjata, perkhidmatan atau operasi tentera laut atau tentera udara;
 - ii. Polis, anggota keselamatan termasuk mana-mana pasukan penjaga keamanan;
 - iii. Ahli sukan profesional apabila orang yang diinsuranskan boleh atau mungkin memperoleh pendapatan atau ganjaran kerana terlibat dalam sukan tersebut.
 - iv. Juruterbang atau petugas mana-mana kapal udara atau kapal laut;
 - v. Kerja atau aktiviti luar pesisir termasuk kerja pelantar minyak;



- (i) Sebarang **penyakit** yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama dari **tarikh berkuat kuasa** melainkan disebabkan oleh **kemalangan**;
- (j) Apa-apa **penyakit yang spesifik**.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada ungkapan polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi saya?

Pemegang sijil boleh membatalkan polisi ini dengan memberikan notis bertulis 30 hari kepada kami secara bertulis di alamat : The Customer Servicing Group, Menara Worldwide, 198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia. Kami akan terus menyediakan perlindungan di bawah polisi ini untuk baki tempoh premium yang telah diterima dan polisi ini akan ditamatkan apabila tempoh tersebut tamat.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat hubungan/peribadi saya?

Perkara penting ialah anda harus memaklumkan **kami** tentang sebarang perubahan dalam profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan usaha peribadi anda yang akan mempengaruhi profil risiko anda.

9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan *Insuranceinfo* mengenai "Insurans Perubatan & Kesihatan" yang tersedia di semua cawangan **kami** atau layari www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi **kami** di:

AIG Malaysia Insurance Berhad,
Menara Worldwide,
198 Jalan Bukit Bintang,
55100, Kuala Lumpur,
Malaysia.
Telefon: 1800 88 8811
E-mel : AIGMYCare@aig.com

10. Jenis perlindungan Insurans Perubatan dan Kesihatan yang tersedia

Sila rujuk kepada laman web **kami** di: www.aig.my

Anda harus membaca dan memahami terma kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan ejen atau **kami** jika terdapat sebarang terma yang anda tidak faham sebelum menerima kontrak polisi. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat ungkapan polisi ini, **pemegang polisi induk** atau **pemegang sijil** boleh menghubungi **kami** atau ejen yang berkenaan.

Dengan menerima kontrak polisi ini, anda mengakui bahawa terma kontrak utama telah dijelaskan dengan secukupnya oleh ejen atau **kami** kepada anda dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan adalah sesuai dengan keperluan insurans anda.

AIG Malaysia Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.